

11.1 Set

Set ialah **kumpulan** bagi objek-objek yang mempunyai **ciri-ciri sepunya** yang tertentu.

Latih Diri 11.1a Pengelasan objek

1. Kelaskan objek dalam senarai di bawah kepada pengangkutan darat, laut dan udara.

Kereta	Kapal	Roket	Van	Sampan	Feri
Lori	Helikopter	Kapal terbang	Bas	Bot	Belon udara panas

a	Pengangkutan darat				
b	Pengangkutan laut				
c	Pengangkutan udara				

2. Kelaskan senarai yang diberi mengikut kumpulan yang tertentu.

merah	trapezium	tujuh	Sembilan	segi tiga
rombus	empat	heksagon	Kuning	Sepuluh
biru	hijau	pentagon	lima	jingga

